



**PERJUMPAAN ....** Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak turut meluangkan masa kira-kira satu jam ke Perjumpaan Tertutup Umno Bahagian Sepanggar dekat sini, pada Jumaat.

Turut mengiringi beliau, Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlal serta Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Jainab Ahmad Ayid.

Najib (dua dari kiri) bersama Musa (dua dari kanan), Abdul Rahman (kanan) dan Jainab semasa perjumpaan itu.

## JADUAL SOLAT

TENGAH	SUBUR	ZIRAM	ISAR	WAGIR	SEKIN
Kota Kinabalu / P. Barat	5.11	12.30	3.46	6.29	7.39
Kudat	5.06	12.27	3.43	6.27	7.38
Pedalaman Atas	5.11	12.29	3.45	6.28	7.38
Pedalaman Bawah	5.14	12.32	3.48	6.30	7.40
Sandakan (Timur)	5.04	12.23	3.39	6.21	7.31
Sandakan (Barat)	5.09	12.27	3.43	6.25	7.35
Bahagian Tawau	5.08	12.24	3.41	6.21	7.31

**BERSAMA PELAJAR ....** Najib, Musa dan Mary bergambar kenangan bersama para pelajar UMS

# Musa yakin Hospital Pengajar UMS bantu ramai doktor

OLEH MARRYAN RAZAN

**KOTA KINABALU:** Ketua Menteri Tan Sri Musa Aman yakin Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dapat membantu melahirkan lebih ramai doktor dan doktor pakar di negeri ini selain memberi kemudahan rawatan kepada rakyat Sabah.

Beliau berkata, pembangunan hospital pintar dan moden itu juga akan berupaya memenuhi keperluan rakyat dengan kemudahan rawatan dan teknologi perubatan yang lengkap dan canggih di samping menjadi hospital atau lab bagi tujuan penyelidikan perubatan.

"Kita tahu bahawa jumlah doktor pakar yang terdapat di negeri ini belum mencukupi dan rawatan terhadap penyakit kronik masih memerlukan khidmat lebih ramai pakar."

"Justeru, pembangunan hospital ini tentunya akan memberi nilai tambah dalam melahirkan lebih ramai doktor dan doktor pakar di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Projek Pembangunan Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kompleks Dewan Kuliah Pusat UMS, di sini, kelmarin.

Majlis itu disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Turut hadir Timbalan Menteri Pen-

didikan Datuk Mary Yap, menteri-menteri persekutuan dan negeri, Pengurus Lembaga Pengarah UMS Tun Zaki Tun Azmi dan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. D Kamardin D Mudin.

Musa yang juga Pro Canselor UMS berkata, kini UMS boleh berdiri sama tinggi dengan universiti-universiti lain yang sudah memiliki hospital sendiri seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

"Tentunya menjadi harapan kita semua agar universiti yang menjadi kebanggaan negeri Sabah ini terus mencipta kejayaan demi kejayaan, melakar lebih banyak kecemerlangan dalam pelbagai bidang," katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada kerajaan pusat menerusi Kementerian Pendidikan Tinggi atas keprihatinan meluluskan peruntukan lebih RM600 juta untuk pembinaan hospital itu.

Katanya, kerajaan amat prihatin dalam memperkasa, menambah baik dan meningkatkan lagi prasarana pendidikan di negeri ini.

Sebagai contoh katanya, bangunan sekolah rendah kebangsaan (SK) dan sekolah menengah kebangsaan (SMK) Pekan Telipok yang dahulunya dalam keadaan uzur kini mempunyai bangunan baharu serba lengkap.

"Kita juga turut mendapat manfaat



apabila Perdana Menteri memperkenalkan pelbagai bantuan pendidikan seperti Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) menggantikan Baucar Buku 1Malaysia, Skim Bantuan Tunisyen, Bantuan Awal Persekolahan dan Rancangan Makanan Tambahan untuk golongan kurang berkemampuan.

"Dalam Bajet 2018, Sabah juga diperuntukkan sebanyak RM1 bilion untuk memperbaiki sekolah-sekolah

daif di seluruh negeri," katanya.

Musa berkata, ini membuktikan kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Perdana Menteri adalah kerajaan yang menepati janji kepada rakyat dan terus berusaha membantu serta memenuhi keperluan rakyat termasuk dalam bidang pendidikan.

"Sebagai kerajaan negeri, pemimpin dan anak Sabah, kita berasa bersyukur dan bangga kerana kerajaan

persekutuan telah menunaikan janjinya membina sebuah universiti tempatan di negeri ini yang kini telah melahirkan ramai graduan berjaya dan cemerlang.

"Bukan itu sahaja tetapi kerajaan terus memikirkan dan berusaha melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan lain untuk rakyat termasuk meningkatkan ilmu berkaitan perubatan dan kesihatan kepada masyarakat."